

Kerajaan pastikan kos sara hidup tidak tinggi

14 SEP 2001

Oleh YUSRI SAHAT

KUALA LANGAT 13 Sept. — Kerajaan akan memastikan proses pembangunan pesat Malaysia ke arah menjadi negara maju tidak akan menyebabkan kos sara hidup terlalu tinggi sehingga menekan rakyat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, sehingga kini Malaysia masih merupakan negara yang mempunyai kos sara hidup terendah di Asia dan antara yang terendah di dunia.

Beliau menambah, kerajaan juga berusaha memastikan kos sara hidup di negara ini tidak menjadi seteruk Hong Kong dan Singapura.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya di majlis perjumpaan dengan wakil penghulu, ketua kampung dan pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Selangor, di sini hari ini.

Abdullah menambah, usaha itu akan terus dijalankan malahan

komitmen Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang meneliti sendiri harga makanan asas di negara ini setiap dua minggu bagi mengelakkan kenaikan kadar inflasi secara melampau.

“Kadar inflasi kami dapat dikurangkan daripada 4 peratus dan memang negara kita jika dibandingkan dengan negara lain, kos untuk hidup adalah antara termurah di dunia. apabila barang dan perkhidmatan boleh diperolehi dari jumlah wang kita yang masih berpatutan,” jelasnya.

Memilih

Sebagai hukti, beliau berkata, para pelabur Hong Kong mengakui kepadanya baru-haru ini bahawa mereka memilih Malaysia sebagai lokasi pelaburan adalah disebabkan kos sara hidup di negara ini yang masih rendah.

Bagaimanapun, beliau mengakui setiap kemajuan terdapat kenaikan kos dari masa ke masa tetapi ia bukan merupakan faktor menye-

babkan kerajaan membiarkan ia memberi kesan kepada kenaikan kos sara hidup.

Terdahulu, Timbalan Perdana Menteri memberitahu, pembangunan yang dibawa oleh kerajaan bukan sahaja meliputi kawasan bandar tetapi turut dibawa ke kawasan luar bandar dan ia termasuk usaha membasmi kemiskinan di kalangan rakyat.

“Pada masa sekarang pendapatan satu keluarga yang kurang RM560 sebulan dianggap sebagai miskin, herbanding RM200 pada awal kemerdekaan dahulu dan mungkin satu hari esok pendapatan RM1,000 masih dianggap sebagai keluarga miskin,” jelasnya.

Sementara itu Abdullah berkata, kerajaan tidak pernah menolak sebarang perubahan kepimpinan sekiranya ia dilakukan mengikut lunas demokrasi seperti apa yang berlaku di Kelantan dan Terengganu dalam pilihan raya-pilihan raya sebelum ini.

Dalam masa yang sama, beliau juga menafikan dakwaan mengata-

kan kerajaan menghalang pihak yang memperjuangkan Islam di negara ini kerana kerajaan sendiri menggalakkan syiar Islam dengan menjadikannya sebagai agama rasmi negara selepas mendapat kemerdekaan.

Selain itu, Abdullah menjelaskan, penahanan beberapa ahli kumpulan militan KMM di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dibuat semata-mata untuk keselamatan negara.

“Bukan menjadi satu keseronokan kepada saya untuk menahan seseorang itu seterusnya memisahkan dia daripada keluarga, isteri dan anak-anaknya... ini bukan satu kerja kita buat sesuka hati dan seronok-seronok.

“Kita buat ini kerana ada sebabnya kerana ada undang-undang yang berikan kita tanggungjawab untuk melaksanakan sesuatu demi kesejahteraan negara kerana lebih ramai lagi di negara ini yang mahukan keselamatan,” katanya.